

HUBUNGI SKUAD KUALA NERUS / SETIU
NURUL HUDA HUSAIN - 019 9391256 / 019 9821480

Bawa pesalah ke mahkamah

PBT perlu lebih tegas untuk beri kesedaran, didik masyarakat patuh undang-undang

KUALA NERUS – PBT perlu mengambil tindakan lebih tegas termasuk mengheret pesalah tegar ke mahkamah bagi mendidik masyarakat agar patuh dengan undang-undang.

Timbalan Setiausaha Kerajaan (Pengurusan), Samiun Salleh berkata, pendekatan sederifikan perlu bagi memastikan penguatkuasaan undang-undang yang dilakukan lebih efisien selain dapat memberi kesedaran kepada masyarakat supaya tidak sewenang-wenangnya

mengelar peraturan yang ditetapkan.

“Sebenarnya PBT sudah ada akta yang tersendiri dan ia dilaksanakan cuma kelemahan kita adalah bila akta (kerajaan tempatan dan perancangan bandar) tidak dikuatkuasakan seiring dengan perundangan, kita keluarkan kompaun kepada pesalah tetapi setakut itu sahaja.

“Jadi, saya cabar PBT untuk buat secara tindakan (bukan sekadar saran semata-mata) termasuk membawa mereka yang bersalah ke mahkamah (jika masih berdegil) supaya akan menimbulkan rasa takut atau hormati kepada undang-undang,” katanya.

Beliau berkata demikian kepada pemberita sebaik selesai menyempurnakan Kolokium Transformasi

Integriti Penjawat Awam di Dewan Auditorium Akademik Universiti Sultan Zainal Abidin (Unisza) Kampus Gong Badak, di sinil, semalam.

Hadir sama, Naib Canselor Unisza, Profesor Datuk Dr Yahaya Ibrahim; Pengarah Institut Darul Iman (Idaman), Profesor Dr Ibrahim Mamat dan Ketua Penolong Setiausaha Kerajaan (Pengurusan Sumber Manusia), Datuk Tengku Farok Hussin Tengku Abdul Jalil.

Menurut Samiun lagi, penguatkuasaan undang-undang yang lebih tegas itu perlu bagi membentuk masyarakat yang lebih berdisiplin dan dalam masa sama menghormati peraturan sedia ada.

“Ketika ini, penguatkuasaan undang-undang yang kita lakukan tidak sampai kepada



Samiun (dua, kiri) ketika menjawab soalan media selepas Kolokium Transformasi Integriti Penjawat Awam di Dewan Auditorium Akademik Unisza Kampus Gong Badak, semalam.

membawa pesalah ke mahkamah, tetapi kita melihat tindakan yang lebih tegas itu perlu dilakukan.

“Di mana, berdasarkan rekod kita, kesalahan yang kerap dilakukan adalah tidak

membayar parkir, meletakkan kenderaan di tempat salah, membina bangunan tanpa kelulusan dan tidak ada lesen,” katanya.

Katanya lagi, kerajaan tidak seharusnya lagi berkompromi

dalam melaksanakan undang-undang kerana ia secara tidak langsung boleh menjelaskan perancangan PBT untuk menyediakan kemudahan yang lebih baik dan efisien kepada masyarakat.

JOM SOLAT	
KUALA NERUS	
SUBUH	5:31
SYURUK	6:53
ZOHOR	1:06
ASAR	4:29
MAGHRIB	7:16
ISYAK	8:31